



**AMALAN KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL PENGETUA DAN HUBUNGANNYA
DENGAN TAHAP KOMITMEN GURU TAHFIZ DI SEKOLAH MENENGAH
AGAMA BANTUAN KERAJAAN (SABK) TAHFIZ NEGERI TERENGGANU**

**[PRINCIPAL'S INSTRUCTIONAL LEADERSHIP PRACTICE AND
RELATIONSHIP WITH TAHFIZ TEACHER COMMITMENT
LEVEL THE STATE GOVERNMENT AIDED RELIGIOUS
SECONDARY SCHOOL (SABK) TAHFIZ TERENGGANU]**

SYED MUHAMMAD ALIF SYED MUHAMMAD ROSMADI¹ & BITY SALWANA ALIAS¹

^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43000 Bangi, Selangor, Selangor, MALAYSIA.
E-Mail: p117436@siswa.ukm.edu.my; bitysalwana@ukm.edu.my

Correspondent Email: p117436@siswa.ukm.edu.my

Received: 1 March 2023

Accepted: 16 March 2024

Published: 30 March 2024

Abstrak: Pengetua memainkan peranan yang besar dalam mempengaruhi guru untuk menggalakkan komuniti pembelajaran yang aktif dan profesional. Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan jenis hubungan yang wujud antara kepimpinan instruksional pengetua dan tahap komitmen guru tahfiz di sekolah menengah bantuan kerajaan (SABK) tahfiz di Negeri Terengganu. Kajian ini adalah tinjauan dengan pendekatan kuantitatif yang dilaksanakan melalui penyebaran borang soal selidik atas talian. Responden kajian ini terdiri daripada 148 orang guru yang bertugas di sekolah menengah bantuan kerajaan (SABK) tahfiz di Negeri Terengganu. Analisis deskriptif dan inferensi menggunakan perisian SPSS telah digunakan bagi menjawab persoalan kajian. Dapatan kajian menunjukkan tahap kepimpinan instruksional pengetua berada pada tahap tinggi min = 4.30. Manakala kajian tahap komitmen guru tahfiz pula berada tahap yang tinggi min = 3.90. Hasil analisis korelasi pearson, $r = 0.671$, $p < 0.01$, menunjukkan bahawa kedua-dua pemboleh ubah berhubung secara positif dengan kekuatan perhubungan pada tahap yang sederhana. Maka dapatan ini secara langsung menolak hipotesis nol (H_0) kajian. Secara rumusannya, keputusan kajian telah menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara amalan kepimpinan instruksional pengetua dan tahap komitmen guru tahfiz di sekolah menengah bantuan kerajaan (SABK) tahfiz di Negeri Terengganu. Oleh yang demikian, perbincangan kajian ini juga turut merangkumi implikasi dalam meningkatkan komitmen guru tahfiz untuk tugas disekolah terutama dalam pengajaran dan pembelajaran pada masa akan datang. Kesimpulannya, kajian literatur menunjukkan bahawa amalan kepimpinan instruksional mempunyai keupayaan untuk meningkatkan komitmen guru terhadap tanggungjawab pengajaran dan pembelajaran..

Kata kunci: Pendidikan, amalan kepimpinan instruksional, komitmen guru terhadap tugas pengajaran dan pembelajaran, pengurus sekolah.

Abstract: Principals play a significant role in influencing teachers to promote an active and professional learning community. The purpose of this study was to determine the type of relationship that exists between the instructional leadership of principals and the level of commitment of tahfiz teachers in

government-aided secondary schools (SABK) tahfiz in the state of Terengganu. This study is a survey with a quantitative approach implemented through the dissemination of online questionnaires. The respondents of this study consisted of 148 teachers employed at the government-aided secondary school (SABK) tahfiz in the state of Terengganu. Descriptive and inferential analysis using SPSS software was used to answer the research questions. The findings showed that the level of instructional leadership of the principals was at a high level of mean = 4.30. While the study of tahfiz teacher commitment level was at a high level of mean = 3.90. The results of Pearson's correlation analysis, $r= 0.671, p<0.01$, showed that both variables were positively related to the strength of the relationship at a moderate level. This finding directly rejects the null hypothesis (H_0) of the study. Summing up, the results of the study have shown that there is a significant relationship between the instructional leadership practices of principals and the level of commitment of tahfiz teachers in government-aided secondary schools (SABK) tahfiz in the state of Terengganu. Therefore, the discussion of this study also includes implications in increasing the commitment of tahfiz teachers to their duties in schools, especially in teaching and learning in the future. In conclusion, the literature review shows that the practice of insurksional leadership has the ability to increase teachers' commitment to teaching and learning responsibilities.

Keywords: education, instructional leadership practice, teacher commitment to teaching and learning tasks, School Manager.

Cite This Article:

Syed Muhammad Alif Syed Muhammad Rosmadi & Bity Salwana Alias. 2024. Amalan Kepimpinan Instruksional Pengetua Dan Hubungannya Dengan Tahap Komitmen Guru Tahfiz Di Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Tahfiz Negeri Terengganu [Principal's Instructional Leadership Practice And Relationship With Tahfiz Teacher Commitment Level The State Government Aided Religious Secondary School (SABK) Tahfiz Terengganu]. *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities (JCERAH)*, 4(2), 19-41.

PENGENALAN

Pengetua merupakan tunjang utama dalam menggerakkan pelaksanaan sistem pendidikan Malaysia dengan dibantu oleh guru di sekolah. Justeru, peningkatan dan pengekalan amalan kepimpinan pengetua harus di titik beratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) . Menyedari kepentingan hal ini, SKPMG2 BAB 3 : Standard 1 (Kepimpinan Guru Besar & Pengetua yang berperanan sebagai pemimpin berimpak tinggi dan juga berupaya menggerakkan warga sekolah secara bersepadu untuk memajukan sekolah dan meningkatkan kualiti PdP serta pencapaian pelajar. Oleh itu, pengetua dan guru harus melaksanakan tanggungjawab mereka dengan berkesan untuk memastikan pengurusan sekolah mencapai objektif melalui fikiran, nilai, sikap, dan tingkah laku. Ini kerana pengurusan ini mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran (PdPc), keadaan di sekolah dan tanggungjawab guru serta pelajar. Sekolah itu adalah kepimpinan yang mengetuai organisasi mentadbir organisasi (Anita dan Zuraidah 2018).

Menurut Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), objektif dan matlamat sektor pendidikan adalah komponen penting dalam pembangunan negara. Oleh itu, untuk mengekalkan dan meningkatkan prestasi dan keberkesanan objektif Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), kepimpinan sekolah termasuk guru, kakitangan dan pelajar memerlukan kerjasama yang berterusan dan komitmen yang tinggi. Kepimpinan sekolah adalah penting dalam membentuk dan meningkatkan pencapaian murid, menurut dasar Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 (PPPM).

Oleh yang demikian, pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk meningkatkan kualiti guru serta penglibatan guru seperti satu standard yang dikenali sebagai SGM 2.0, Standard untuk Guru di Malaysia (SGM) yang telah dibangunkan oleh KPM. Ia menggariskan kebolehan profesional yang perlu dimiliki oleh guru, serta tindakan yang perlu diambil oleh institusi pendidikan dan organisasi untuk membantu guru mencapainya.

Seterusnya Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah menggubal satu dasar yang mana terdapat beberapa aspek yang membentuk kepimpinan instruksional pemimpin sekolah, dan salah satu daripada aspek ini ialah Malaysia Education Blueprint 2013-2025 (MEB). MEB menekankan betapa pentingnya kepimpinan instruksional untuk meningkatkan kualiti pendidikan. Penglibatan pemimpin sekolah dalam program seperti 'Gerak Gempur Sekolah' dan 'Pengukuhan Kepimpinan Sekolah' adalah penting untuk kejayaan ini.

Pemimpin instruksional juga memantau dan memberi maklum balas yang membina kepada guru untuk membantu mereka meningkatkan cara mereka mengajar. Selain itu, pemimpin harus memastikan bahawa guru mendapat peluang dan sumber untuk pembelajaran profesional yang berterusan. Mereka harus mendorong penyertaan dalam bengkel, mesyuarat kolaboratif, program pembangunan profesional, dan refleksi mengenai amalan pengajaran. Pengetua yang berkualiti boleh mendorong guru untuk menyampaikan pengajaran yang berkualiti tinggi di sekolah (Hussin, 2019).

Memperoleh hasil pembelajaran yang lebih baik daripada pelajar adalah matlamat utama kepimpinan instruksional. Pemimpin sekolah haruslah mempromosikan perubahan dan inovasi melalui kepimpinan instruksional yang berkesan sebagai anjakan kelima kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan bahawa kepimpinan berprestasi tinggi akan terdapat di setiap sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Menurut kajian antarabangsa tentang kepimpinan sekolah, pengetua yang cemerlang yang menumpukan pada kepimpinan instruksional dan bukannya pentadbiran mempunyai keupayaan untuk meningkatkan keberhasilan murid sebanyak 20%.

Amalan kepimpinan instruksional ini menjadi satu lagi amalan kepimpinan yang digunakan dalam struktur sekolah. Penemuan ini selaras dengan kajian oleh Hallinger et al. (2018; Dzulfida et al., 2020), yang menunjukkan bahawa gaya pengajaran kepimpinan semakin popular di Asia, dan ini telah menyumbang kepada kemajuan pendidikan di negara-negara ini. Selain itu juga, amalan kepimpinan instruksional yang berkualiti, berwibawa, dan berkesan boleh membantu dalam memberikan sokongan yang lebih baik kepada guru dalam meningkatkan kemahiran pengajaran mereka. Pemimpin harus menyediakan latihan, bimbingan dan sumber yang diperlukan untuk meningkatkan keupayaan guru untuk mengajar. Sebagaimana dinyatakan oleh Leithwood et al. (2019), kepimpinan sekolah mempunyai kesan yang ketara ke atas semua aspek pengurusan sekolah, termasuk cara pembelajaran dan pengajaran murid diberikan.

Sharihan dan Roslan (2019) menyatakan bahawa pendidikan adalah pekerjaan yang dihormati oleh semua lapisan masyarakat. Ini disebabkan oleh fakta bahawa guru adalah komponen kedua yang paling penting dalam menentukan pencapaian sekolah. Guru juga mempunyai tanggungjawab yang besar dan mencabar dalam melahirkan generasi yang akan menentukan masa depan negara (Hattie, 2003; McREL, 2010; OECD, 2005; KPM, 2013).

Walau bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini, terdapat banyak cabaran dan isu yang berkaitan dengan profesion ini. Guru yang bagaimanakah boleh meningkatkan pencapaian akademik pelajar mereka?

Komitmen guru pula merujuk kepada tahap keterikatan, dedikasi, dan kesetiaan guru terhadap profesion, pelajar, sekolah, dan tujuan pendidikannya. Ia melibatkan komitmen yang kuat untuk menyediakan pengajaran yang berkualiti, menyokong pembangunan pelajar, dan mencapai hasil pembelajaran yang optimum. Menurut Lily dan Muhamad Suhaimi (2020), guru yang berdedikasi dan berkomitmen boleh mempengaruhi prestasi dan kejayaan akademik pelajar di sekolah.

Komitmen terhadap profesion sebagai guru adalah satu komitmen yang tinggi terhadap profesion mereka dalam berdedikasi untuk sentiasa meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka sebagai guru. Mereka berusaha untuk menjadi pendidik yang berkesan dan terus membangunkan amalan pengajaran yang inovatif. Dayangku Rodzianah dan Mohd Izham (2021) menyatakan bahawa guru akan menunjukkan profesionalisme, nilai dan etika kerja yang tinggi.

Komitmen guru memainkan peranan penting dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang produktif dan memberi kesan kepada pelajar. Apabila guru yang komited, mereka cenderung untuk menyediakan pengajaran yang lebih baik, bertindak balas dengan lebih berkesan kepada keperluan pelajar, dan menyumbang kepada pencapaian matlamat pendidikan yang dikehendaki

Oleh itu, kajian ini melihat secara empirikal cara kepimpinan instruksional pengetua mempengaruhi komitmen guru tahfiz di sekolah. Oleh yang demikian, kajian ini telah memilih untuk menjalankan secara khusus dengan menumpukan pada sekolah menengah agama bantuan kerajaan (SABK) tahfiz di Negeri Terengganu. Ini akan melengkapkan kekurangan kajian yang wujud mengenai perkara lokasi. Selain itu, kajian ini boleh menyediakan sumbangan data empirikal untuk meningkatkan komitmen guru di Malaysia.

Kesimpulannya, dalam dunia pendidikan atau organisasi, komitmen dan kepimpinan instruksional mempunyai hubungan yang kuat. Kepemimpinan instruksional yang berkesan boleh meningkatkan komitmen ahli pasukan. Ini boleh menyumbang kepada prestasi yang lebih baik, pencapaian matlamat dan kualiti pengajaran. Untuk meningkatkan keberkesanan organisasi atau institusi pendidikan, ini adalah satu bidang yang penting untuk diambil kira. Tujuan kajian ini adalah untuk bertujuan untuk mengenal pasti amalan kepimpinan instruksional pengetua dan hubungannya dengan tahap komitmen guru tahfiz di sekolah menengah agama bantuan kerajaan (SABK) tahfiz di Negeri Terengganu. Tiga objektif telah ditetapkan untuk kajian ini: pertama, menentukan tahap amalan kepimpinan instruksional pengetua, kedua, menentukan tahap komitmen guru tahfiz dan ketiga, mengkaji hubungan antara tahap amalan kepimpinan instruksional pengetua dan tahap komitmen guru tahfiz. Ketiga matlamat ini bertujuan untuk menjawab soalan berikut:

1. Apakah tahap amalan kepimpinan instruksional pengetua di sekolah menengah agama bantuan kerajaan (SABK) tahfiz di Negeri Terengganu?
2. Apakah tahap komitmen guru tahfiz di sekolah menengah agama bantuan kerajaan (SABK) tahfiz di Negeri Terengganu?

3. Adakah hubungan antara amalan kepimpinan instruksional pengetua dengan tahap komitmen guru tahfiz di sekolah menengah agama bantuan kerajaan (SABK) tahfiz di Negeri Terengganu?

Selain itu, hipotesis nol telah dikemukakan, iaitu “Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara amalan kepimpinan instruksional pengetua dengan tahap komitmen guru tahfiz di sekolah menengah agama bantuan kerajaan (SABK) tahfiz di Negeri Terengganu”

TINJAUAN LITERATUR

Kepimpinan Instruksional

Salah satu pendekatan yang digunakan oleh pengetua untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di institusi pendidikan ialah kepimpinan instruksional. Sejak 25 tahun yang lalu, bermula dengan kajian sekolah yang berkesan oleh Edmonds (1979), ia telah mendapat perhatian. Sebagai pemimpin instruksional, pengetua mesti memainkan peranan penting, menurut Hallinger dan Murphy (1985, 1987). Bahkan, Hallinger juga ada menyatakan bahawa pengetua sentiasa diminta untuk mengambil bahagian dalam tanggungjawab kepemimpinan instruksional di sekolah kerana ia dianggap menyumbang kepada pencapaian akademik murid.

Sebagai pemimpin instruksional, pengetua memainkan peranan penting dalam mewujudkan pendidikan yang berkualiti tinggi. Pengetua mempunyai kesan positif terhadap kejayaan pelajar sebagai pemimpin dalam pendidikan. Menurut kajian Anita dan Zurasidah 2018, sekolah merupakan sebuah organisasi yang dipimpin oleh ketua dalam menerajui organisasi tersebut. Menurut, Mohd Akhmarudin Mohd Yusoff, pemimpin haruslah bijak memilih gaya kepimpinan. Kepimpinan instruksional adalah kepimpinan yang memberi inspirasi kepada pengetua dan guru bersama sebagai rakan sekerja untuk meningkatkan kecekapan pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Selain itu juga, kajian terdahulu menunjukkan bahawa pengkaji di dalam dan luar negara memberi tumpuan kepada kepimpinan instruksional. Dalam kajian kepimpinan instruksional di Malaysia, peranan dan amalan pengetua diutamakan (Hallinger 2011; Rigby, 2014; Zaliza & Mohd Izham, 2018). Oleh yang demikian, amalan kepimpinan pengurusan sekolah di Malaysia adalah penting (Siti Hazirah Hamdzah Mohd Izham Mohd Hamzah, 2021). Pengetua merupakan individu yang berperanan penting dalam memimpin dan menguruskan sekolah ke arah mencapai pendidikan berkualiti (Noor Asma & Mohamed Yusoff, 2017).


Kepimpinan pengetua harus menumpukan pada pencapaian murid, keupayaan untuk kekal fokus terhadap pengajaran dan pembelajaran guru, dan pembangunan kemahiran instruksional guru (Hayes & Irby, 2019). Oleh itu, pencapaian dalam sesuatu matlamat sekolah dan kecemerlangan pencapaian pelajar melalui kepimpinan instruksional yang berkesan (Zaliza & Mohd Izham, 2018). Ini adalah selaras dengan anjakan kelima PPPM, yang bertujuan untuk memastikan kepimpinan yang berkualiti tinggi berada di setiap sekolah kerana mereka mempunyai keupayaan untuk mewujudkan suasana sekolah yang positif, menentukan hala tuju yang jelas, mewujudkan kolaborasi erat antara kakitangan, komited, menjalankan program peningkatan kakitangan, dan membina hubungan dengan pihak luar (Ujil & Andin, 2018).

Secara keseluruhan, kajian menunjukkan bahawa amalan kepimpinan pengetua di daerah Kuala Langat sangat baik. Sri Mohana, Aida Hanim A. Hamid¹, tahun 2020). Noor Diyana Binti Sidi Ahmad dan Jamalul Lail Bin Abdul Wahab (2021) mendapati bahawa tahap amalan kepimpinan instruksional pengetua adalah sederhana tinggi. Manakala menurut Leithwood et al (2019), kajian ini mendapati bahawa Rozila Md. sebagai pengetua mempunyai tahap kepimpinan instruksional yang sangat tinggi, dan kepimpinan sekolah mempunyai kesan yang besar terhadap semua aspek pengurusan sekolah, di mana ia mempunyai kesan ke atas kualiti pengajaran dan pembelajaran murid. Yusof dan Jamalul Lail Abdul Wahab pada tahun 2019.

TEORI DAN MODEL KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL HALLINGER (2011)

Penyelidik Malaysia telah menggunakan teori dan model kepimpinan instruksional daripada persekitaran pendidikan asing seperti Amerika Syarikat dan negara Eropah lain. (Mohd Yusri & Aziz Amin, 2017). Pelajar yang berjaya mempunyai kaitan dengan pemimpin sekolah yang cemerlang. Ini menunjukkan bahawa dasar pendidikan negara menekankan betapa pentingnya guru memastikan pengajaran dan pembelajaran dijalankan dengan betul dan dirancang. Oleh kerana guru adalah penyumbang kepada sumber manusia negara, komitmen guru memberi kesan kepada prestasi pelajar (Jameela et al., 2020).

Kepimpinan instruksional pengetua adalah penting dalam sistem pendidikan. Pengetua, sebagai pemimpin utama institusi pendidikan dalam memastikan prestasi akademik yang cemerlang dan perkembangan peningkatan profesional guru. Hallinger (2011) menyatakan bahawa terdapat tiga dimensi dan sepuluh fungsi kepimpinan instruksional yang boleh digunakan untuk menilai pemimpin sekolah. Terdapat tiga dimensi dalam menetapkan matlamat sekolah, menguruskan program pendidikan, dan menggalakkan persekitaran sekolah. Selain itu, ketiga-tiga dimensi tersebut dibincangkan melalui penggunaan sepuluh fungsi, yang merupakan tugas yang perlu dimainkan oleh pemimpin instruksional sekolah. Rajah 1 menunjukkan bentuk model kepimpinan ini.



Rajah 1 Kepimpinan Instruksional oleh Hallinger (2011)

Di bahagian pertama, tugas untuk menentukan objektif institusi terdiri daripada dua tugas iaitu yang pertama merangka dan menjelaskan objektif. Faktor kedua ialah pengurusan program pendidikan. Dimensi ini terdiri daripada tiga tanggungjawab: pengawasan dan penilaian instruksional, penyelarasan kurikulum, dan pemantauan perkembangan murid. Di bahagian ketiga ialah mewujudkan iklim sekolah. Ini termasuk lima usaha melindungi masa pembelajaran, memastikan guru berada di hadapan, memberikan insentif kepada mereka, dan menggalakkan pertumbuhan profesional.

KOMITMEN GURU

Dalam konteks pendidikan masa kini, isu komitmen organisasi guru telah menjadi perkara penting, terutamanya dalam menghadapi masalah dan perubahan yang berterusan dalam sistem pendidikan. Sebenarnya, masalah komitmen guru mempunyai kesan yang besar terhadap kedua-dua prestasi dan budaya organisasi (Williams, 2022 dan Norawati et al., 2022). Di kawasan Gombak, kajian oleh Ramathevi Kuppan dan Ahmad Zabidi bin Abdul Razak (2021) mendapati bahawa terdapat hubungan yang kuat antara komitmen guru dan kepimpinan instruksional pengetua. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa guru telah mencipta persekitaran yang mendorong mereka untuk menjadi pemimpin. Kajian ini juga membantu Kementerian Pendidikan Malaysia membina kepimpinan sekolah yang kukuh dan berkualiti. Guru yang berkomitmen tinggi adalah pendorong dan komponen penting dalam meningkatkan kejayaan dan pencapaian pelajar. Mohamad, Zakaria & Nasir (2017) dan Ambotang & Bayong (2018) juga mengakui ini.

Pada 2019, Mohamad Najib bin Abdul Ghafar dan Jamaliah bin Jamaludin menjalankan kajian yang mengkaji hubungan antara tahap komitmen guru terhadap pengetahuan dan kemahiran pengurusan apabila mereka mengendalikan aktiviti kokurikulum di Sekolah Rendah Negeri Johor. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa responden mempunyai pengetahuan mudah tentang pengurusan kokurikulum, walaupun mereka mempunyai kemahiran pengurusan yang baik. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara komitmen responden dan kemahiran mereka untuk menguruskan kokurikulum.

Kajian oleh Dayanku Rodzianah dan Mohd Izham (2021) mengkaji amalan kepimpinan guru besar dan hubungannya dengan peringkat komited guru. Kajian ini mendapati bahawa terdapat hubungan yang positif antara komitmen guru yang tinggi dan amalan kepimpinan instruksional yang kukuh yang digunakan oleh guru yang mencapai pencapaian yang tinggi. Apabila seorang pengetua menggunakan strategi kepimpinan instruksional yang berkesan, ia biasanya mempunyai kesan positif terhadap rakan sekelas mereka. Menurut Gross (2012), Mohd Amin, Mohd Faez Ilias, Kalthom, Muhammad Syakir, Murihah (2016), dan Awwad (2018), seorang guru yang baik mesti mempunyai pengurusan yang baik selain daripada kemahiran pedagogi dan pengetahuan isi kandungan.

Oleh itu, pemimpin mesti memahami cara memupuk kesediaan ini supaya mereka komitmen terhadap perubahan (Danielle 2018). Menurut Nurjannah F.A Kariming dan Abdul Said Ambotang (2018), guru yang mempunyai komitmen kerja yang tinggi akan melaksanakan pengajaran dengan lebih baik dan memberi kesan kepada pencapaian akademik murid. Dalam

hal ini kepercayaan guru menjadi mediator yang signifikan terhadap kedua-dua pembolehubah. Ia menggambarkan bahawa guru-guru yang mempunyai tahap komitmen yang tinggi juga seharusnya mempunyai tahap kepercayaan yang tinggi terhadap kepimpinan pengajaran (Yusof & Abdul Wahab, 2019).

Sharihan dan Roslan (2019) menyatakan bahawa pendidikan adalah pekerjaan yang dihormati oleh semua lapisan masyarakat. Ini disebabkan oleh fakta bahawa guru adalah komponen kedua yang paling penting dalam menentukan pencapaian sekolah. Sesebuah sekolah tidak berjaya tanpa sokongan daripada guru kerana komitmen guru yang mempengaruhi pencapaian sebuah sekolah (Ma'rufi dan Anam, 2019) Guru juga mempunyai tanggungjawab yang besar dan mencabar dalam melahirkan generasi yang akan menentukan masa depan negara. Menurut kajian Paulsen (2018), kejayaan Finland dalam Program Penilaian Antarabangsa TIMMS dan PISA boleh dikaitkan dengan kebolehan dan komitmen guru (Thien dan Adams, 2021).

Penyelidikan yang dijalankan oleh Siti Nur Azura et al. (2019) mendapati bahawa guru masih tidak berdedikasi di sekolah-sekolah yang terdapat di Malaysia. Menurut kajian, beberapa faktor yang mempengaruhi kecekapan guru termasuk pengurusan masa yang buruk, sokongan pentadbiran yang tidak mencukupi, dan ketidakstabilan dalam kedudukan profesional. Mohd Hazrul (2020) menyatakan bahawa, "Komitmen guru di sekolah Malaysia masih dianggap rendah sepanjang tahun 2019 disebabkan oleh kedudukan profesional yang tidak stabil dan sokongan pentadbiran yang tidak mencukupi." "Pada tahun 2020, sebab utama penurunan motivasi guru di sekolah Malaysia ialah isu komitmen." Sehingga 2021, pencapaian matlamat profesional dan kepuasan kerjaya masih tidak pasti.

Pada masa yang sama, kajian yang dijalankan oleh Nurul Khairiah pada 2019 mendapati bahawa kepemimpinan instruksional yang tidak mencukupi memberi kesan kepada kualiti pengajaran dan pembelajaran. Kajian menunjukkan bahawa kepemimpinan instruksional yang lemah telah dikenal pasti sebagai punca utama pencapaian sederhana guru dan pelajar pada 2019. Fazliana (2020) menjalankan kajian, "Hasil kajian pada tahun 2020 menunjukkan bahawa terdapat ketidakpercayaan mengenai kepentingan kepimpinan instruksional dalam meningkatkan kualiti pengajaran." Hubungan antara kepemimpinan instruksional yang kurang memuaskan dan kualiti pengajaran yang rendah disahkan oleh kajian ini. Kedua-dua kajian menunjukkan bahawa guru masih tidak komited. Tingkah laku kerja yang lebih produktif, kualiti pengajaran yang lebih baik, dan hubungan yang lebih positif dengan pelajar dan kakitangan lain biasanya dikaitkan dengan guru yang mempunyai tahap komitmen yang tinggi. Saravanan dan Shahizan (2020) mendapati bahawa guru dengan tahap komitmen yang tinggi adalah penggerak yang mendorong sesebuah sekolah yang cemerlang.

Selain itu, kajian terdahulu telah menunjukkan bahawa terdapat korelasi antara komitmen guru dan amalan kepimpinan instruksional (Zaliza & Mohd Izham, 2018; Rozila & Jamalul Lail, 2019). Tiga jenis komitmen guru boleh dinilai: normatif, afektif dan berterusan. Kajian yang dijalankan pada 2018 oleh Zaliza dan Mohd Izham mendapati bahawa terdapat hubungan yang positif antara sederhana kuat dan kuat. Kebanyakan kajian menunjukkan hubungan kolerasi yang tinggi. Hasilnya menunjukkan bahawa pengetua boleh mengubah cara mereka melihat pendidikan sekolah (Nik Mustafa et al., 2015; Jameela & Jainabee, 2011).

Oleh yang demikian, strategi kepemimpinan instruksional membantu dalam mempromosikan dan mengekalkan piawai akademik di sekolah, dipercayai bahawa pengetua dan ahli komuniti sekolah mendapat manfaat daripadanya. Tiga jenis komitmen guru diukur: normatif, afektif dan berterusan. Kajian yang dijalankan oleh Zaliza dan Mohd Izham pada 2018 mendapati bahawa terdapat hubungan yang positif antara sederhana kuat dan kuat.

TEORI DAN MODEL KOMITMEN

Teori Komitmen Meyer dan Allen (1990)

Dalam kajian ini, teori Allen & Meyer (1990) digunakan untuk menilai komitmen guru. Kesetiaan dan kebanggaan pekerja sekolah dikaitkan dengan komitmen mereka kepada organisasi, menurut Allen dan Meyer (1990). Menurut Allen dan Meyer (1990), terdapat tiga jenis komitmen organisasi: komitmen afektif, komitmen yang berterusan, dan komitmen normatif. Komponen afektif ialah pekerja yang terlibat secara langsung dalam organisasi dan mempunyai hubungan emosi yang kukuh dengannya. Pekerja yang sangat afektif tidak pernah meninggalkan jabatan mereka, menurut Allen dan Meyer (1990).


1. *Komitmen afektif* - Pekerja yang terlibat secara langsung dalam organisasi dan mempunyai hubungan emosi yang kuat dengannya dikenali sebagai komponen afektif. Pekerja yang mempunyai komitmen afektif yang tinggi tidak pernah meninggalkan jabatan mereka kerana motivasi mereka (Allen & Meyer, 1990).
2. *Komitmen Berterusan*- Ketiadaan komitmen berterusan mempengaruhi kesedaran bahawa organisasi akan kehilangan ahli. Pekerja yang terus komited akan kekal dalam organisasi dan perlu berbuat demikian (Allen & Meyer, 1990).
3. *Komitmen Normatif*- Perasaan bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas yang diberikan oleh organisasi dikenali sebagai komitmen normatif. Pekerja harus mempunyai tahap komitmen normatif yang tinggi agar mereka terus berkhidmat untuk kebaikan organisasi (Allen & Meyer, 1990).

Kesedaran bahawa organisasi akan kehilangan pekerja dipengaruhi oleh tahap komitmen yang berterusan. Pekerja yang berterusan akan kekal dalam organisasi dan mesti melakukannya. Komitmen normatif ialah perasaan bertanggungjawab untuk menyelesaikan tanggungjawab yang diberikan oleh organisasi. Agar pekerja terus berkhidmat untuk kebaikan organisasi, mereka harus mempunyai tahap komitmen normatif yang tinggi (Allen & Meyer, 1990).

Model Komitmen Meyer dan Allen (1990)

Dalam kajian ini, model Meyer dan Allen (1997) digunakan untuk menentukan komitmen guru. Meyer dan Allen (1990) menerima teori psikologi bahawa pekerja yang komited mempunyai kecenderungan yang lebih besar untuk kekal dalam organisasi berbanding pekerja yang tidak komited. Pekerja sekolah dikaitkan dengan komitmen mereka kepada organisasi, menurut Allen

dan Mayer (1990). Menurut Allen dan Mayer (1990), tiga komponen membentuk komitmen organisasi:



Rajah 2: Model Komitmen Meyer dan Allen (1997)

HUBUNGAN KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL DENGAN KOMITMEN

Selain itu, kajian terdahulu menunjukkan bahawa hubungan kepimpinan pengetua dan amalan kepimpinan strategik sering dikaitkan dengan keberkesanan pengajaran guru (Kalaimani & Aida Hanim, 2020; Fazleen & Siti Noor, 2018). Seterusnya kajian ini memberikan gambaran bahawa gaya kepimpinan instruksional pengetua memberikan kesan kepada komitmen guru dalam melaksanakan tugas di sekolah. seterusnya menyumbang kepada keberkesanan organisasi di SBT. (Rozila Md. Yusof dan Jamalul Lail Abdul Wahab (2019)

Selanjutnya, kajian terdahulu yang mengkaji hubungan antara komitmen guru dan amalan kepimpinan instruksional telah ditunjukkan (Zaliza & Mohd Izham 2018; Rozila & Jamalul Lail, 2019). Tiga jenis komitmen guru diukur: normatif, afektif dan berterusan. Selain itu, hasil kajian Zaliza dan Mohd Izham (2018) menunjukkan hubungan yang positif sederhana kuat. Kebanyakan kajian menunjukkan hubungan kolerasi tinggi. Menurut Rozila Md. Yusof dan Jamalul Lail Abdul Wahab (2019) gaya kepimpinan instruksional pengetua mempengaruhi tahap komitmen guru dalam melaksanakan tanggungjawab sekolah seterusnya meningkatkan prestasi organisasi SBT. Tahap kepimpinan Pendidikan pengetua dinilai berdasarkan aspek mentakrif dan membentuk objektif. Sekolah, mengendalikan program pendidikan dan mempromosikan persekitaran pembelajaran yang baik. Di sisi lain, tahap komitmen guru boleh dinilai melalui tiga dimensi: penerimaan matlamat, nilai organisasi, semangat untuk mencapai matlamat dan keinginan untuk kekal dalam organisasi. Pengkaji memilih kaedah tinjauan kuantitatif dan menggunakan borang soal selidik dan menguji kebolehpercayaan dan kesahan dengan nilai $\alpha = 0.985$. Data dikumpul melalui teknik pensampelan rawak berstrata dalam kalangan jumlah pelajar Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) di daerah Seremban, Negeri Sembilan dan sampel terdiri daripada 127 individu.

Secara keseluruhan, kajian menunjukkan bahawa amalan kepimpinan pengetua di daerah Kuala Langat sangat baik. Sri Mohana, Aida Hanim A. Hamid¹, tahun 2020). Noor Diyana Binti Sidi Ahmad dan Jamalul Lail Bin Abdul Wahab (2021) mendapati bahawa tahap amalan kepimpinan instruksional pengetua adalah sederhana tinggi. Menurut Leithwood et al (2019), Kepimpinan sekolah mempengaruhi semua aspek pengurusan sekolah, termasuk kualiti

pengajaran dan pembelajaran pelajar. Kajian ini mendapati bahawa Rozila Md. mempunyai tahap kepimpinan instruksional yang sangat tinggi sebagai pengetua. 2019: Yusof dan Jamalul Lail Abdul Wahab.

Kajian oleh Rashidah et al. (2022) menunjukkan bahawa amalan kepimpinan di sekolah menengah di seluruh Kelantan Utara sangat tinggi. Mereka mendapati bahawa tiga dimensi amalan kepimpinan instruksional menunjukkan tahap yang sangat tinggi; pengetua paling kerap melaksanakan dimensi mewujudkan persekitaran sekolah yang positif. Diikuti oleh dimensi kedua, yang melibatkan menetapkan objektif sekolah, dan dimensi ketiga, yang melibatkan pengurusan program pendidikan sekolah. Ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Anusha dan Azlin (2021), yang menunjukkan bahawa amalan kepimpinan adalah tinggi di sekolah rendah Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun, aspek yang paling kerap diambil kira oleh pengetua ialah menguruskan program pengajaran, yang diikuti dengan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menggalakkan. Walaupun pengetua sering menggunakan aspek ketiga membina misi sekolah.

Dayangku Rodzinah dan Mohd Izham (2021) mendapati bahawa 54 sekolah rendah di Daerah Beaufort mempunyai amalan kepimpinan instruksional yang baik. Walau bagaimanapun, aspek yang paling penting ialah mewujudkan persekitaran yang positif di sekolah. Selain itu, kajian yang dijalankan pada 2019 oleh Rozila dan Jamalul melihat komitmen 127 guru di sekolah berprestasi (SBT) di wilayah Seremban, dan mendapati bahawa terdapat tahap kepemimpinan instruksional yang sangat baik.

Hasil kajian ini mengesahkan, idea bahawa amalan kepimpinan instruksional pengetua mungkin mempengaruhi tahap komitmen guru. Zaliza binti Md Yasin , Mohd Izham bin Mohd Hamzah (2018). Kajian menunjukkan bahawa pengetua mempunyai amalan kepimpinan instruksional yang tinggi secara keseluruhan, manakala komitmen guru di ketiga-tiga sekolah adalah sederhana. Tambahan pula, terdapat bukti positif bahawa amalan kepimpinan instruksional pengetua dan komitmen guru dikaitkan. Kerangka Teori Kepimpinan instruksional dan komitmen adalah seperti rajah 3 di bawah.



Rajah 3: Kerangka Koseptual Kajian

Sumber: Model kepimpinan instruksional Hallinger dan Murphy (1985) dan model komitmen kerja Allen dan Meyer (1997)

METODOLOGI

Dalam kajian ini, dua faktor utama adalah kepimpinan instruksional pengetua dan komitmen guru terhadap organisasi sekolah. Kajian ini menggunakan tiga dimensi Model Kepimpinan Instruksional Hallinger dan Murphy (1985) untuk menerangkan kepimpinan instruksional pengetua di Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) tahfiz Negeri Terengganu. Terdapat tiga dimensi yang berkaitan dengan tanggungjawab pengetua sebagai pengurusan sekolah, iaitu (i) mentakrif /membentuk matlamat sekolah, (ii) menguruskan program instruksional dan (iii) menggalakkan iklim pembelajaran di sekolah. Sementara itu, komitmen guru yang merujuk kepada model komitmen kerja Allen dan Meyer (1997) adalah pemboleh ubah bersandar untuk kajian ini. Menurut Allen dan Meyer (1990), terdapat tiga jenis komitmen organisasi: afektif, berterusan dan normatif.

Populasi dan Persampelan

Kajian ini melibatkan guru di 6 buah sekolah menengah agama bantuan kerajaan (SABK) tahfiz di Negeri Terengganu. Pemilihan populasi kajian ini adalah berdasarkan fakta bahawa terdapat kurang kajian yang dijalankan mengenai kepimpinan instruksional pengetua dan hubungannya dengan komitmen kerja guru tahfiz di Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)

tahfiz Negeri Terengganu. Selain itu, kajian ini melibatkan 6 buah sekolah menengah agama bantuan kerajaan (SABK) tahfiz, yang merupakan skala yang kecil, lokasi dan populasi guru di Negeri ini sangat bersesuaian dengan keperluan kajian. Negeri Terengganu mempunyai 240 orang guru tahfiz dan Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) tahfiz Negeri Terengganu.

Jumlah sampel yang ditetapkan dikumpul dalam dua peringkat. Pertama, untuk menentukan sampel untuk setiap sekolah, teknik pensampelan rawak telah digunakan. Teknik ini digunakan dengan mengira jumlah populasi di setiap sekolah menengah agama bantuan kerajaan (SABK) tahfiz di Negeri Terengganu, dan peratusan sampel daripada jumlah populasi telah dikira untuk setiap sekolah. Sementara itu, pemilihan responden di setiap Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) tahfiz Negeri Terengganu adalah mudah dan rawak dengan peluang yang sama untuk setiap individu dalam populasi (Robson 2002; Borden & Barbie 2010; Hamidah, Jamal & Khalip 2019). Dengan bantuan pengetua, senarai nama guru telah dikumpul untuk pemilihan sampel secara rawak yang mudah. Aplikasi *Wheel of Names* digunakan untuk cabutan nama. Nama pangkal guru dimasukkan ke dalam aplikasi dan anda boleh memilih dengan menekan butang pemilihan. Sehingga sampel cukup untuk setiap Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) tahfiz Negeri Terengganu, proses pemilihan diulang. Ia berakhir dengan pengetua menghantar pautan kepada soal selidik dalam talian, yang termasuk senarai nama responden, kepada sampel kajian. Responden diberi masa dua minggu untuk mengisi soal selidik dalam talian. Berdasarkan jumlah saiz sampel, seramai 240 guru dipilih untuk kajian. Seperti yang dinyatakan oleh Sakeran (2003), saiz sampel yang melebihi 30 dan kurang daripada 500 adalah sesuai dengan keperluan kajian.

Penentuan saiz sampel kajian adalah penting (Cohen et al.). 2011: Keputusan yang boleh dipercayai, sah dan boleh digeneralisasikan akan diperoleh melalui penggunaan sampel yang mencukupi dan usaha pengumpulan data yang berkualiti tinggi (Bartlett, Kotrlik & Higgins 2001). Pensampelan ialah proses menentukan bilangan responden populasi untuk sebarang kajian, menurut Chua (2012). Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) tahfiz Negeri Terengganu mempunyai seramai 240 guru tahfiz, menurut data terkini daripada Pejabat Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu dan Pejabat Quranic Yayasan Terengganu.

Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan digunakan untuk menentukan jumlah sampel yang diperlukan untuk kajian ini. Penyelidik sains sosial sering menggunakan jadual ini. Untuk membolehkan keputusan kajian ini digeneralisasikan, bilangan sampel yang diperlukan: 148 responden daripada 240 guru dalam populasi keseluruhan, yang terdiri daripada Unit Quranic Yayasan Negeri Terengganu (YT) sehingga 7 Mac 2023. Sampel ini diperoleh daripada jadual Krejcie dan Morgan (1970) dengan tahap keyakinan 95 peratus dan tahap signifikan $p=0.05$. Pengetua telah menghantar pautan ke soal selidik menggunakan bentuk (*google form*) ke telegram sekolah, guru tahfiz sahaja yang terlibat mengisi soal selidik tersebut. Sebanyak 148 soal selidik telah diisi oleh responden. Oleh itu, kerana bilangan kecil data yang diperlukan untuk menjalankan kajian, pengkaji memutuskan untuk menggunakan semua data yang sedia ada. Ini kerana keputusan kajian mesti menggambarkan populasi atau boleh digeneralisasikan kepada populasi (Azizi et al.). 2007.

Instrumen kajian

Borang soalan kajian dalam talian, yang dikenali sebagai Google Forms, digunakan untuk mendapatkan data kajian. Borang ini dibahagikan kepada tiga (3) bahagian, dengan bahagian **A** mengandungi item soalan yang berkaitan dengan maklumat demografi responden. Bahagian **B** juga mengandungi lima puluh soalan latihan kepimpinan instruksional yang telah disesuaikan. Seterusnya, bahagian **C** mengandungi sembilan belas soalan yang berkaitan dengan komitmen guru. Untuk kedua-dua bahagian, pilihan bermula dengan "sangat kerap" (1), "kerap" (2), "kadang-kadang" (3), "jarang-jarang" (4), dan "hampir tidak pernah" (5).

Kesahan dan kebolehpercayaan

Kebolehpercayaan dan Kesahan: Kesahan ialah keupayaan instrumen kajian untuk menilai objektif kajian (Mohd Majid 2005). Dua pakar yang pakar dalam subjek kajian telah dihubungi untuk membincangkan soal selidik dan memberikan pendapat mereka. Menurut Noraini (2013), setiap bahagian soal selidik adalah penting untuk menentukan subjek kajian dan menilai penggunaan struktur bahasa. Selain itu, kajian rintis telah dijalankan untuk memastikan kebolehpercayaannya. Borang soal selidik telah dihantar kepada 30 guru yang mempunyai ciri yang sama dengan peserta dalam tinjauan sebenar. Kredibiliti soal selidik telah dinilai menggunakan Alfa Cronbach Rank. Menurut Cooper dan Schindler (2011), antara 25 dan 100 responden adalah perlu untuk kajian rintis. Ary, Jacobs, dan Sorensen (2010) menyatakan bahawa pekali Alpha Cronbach boleh digunakan untuk menentukan konsistensi atau kebolehpercayaan kumpulan. Ini digunakan oleh kebanyakan pengkaji untuk menilai item yang tidak memerlukan pilihan skala likert atau pilihan jawapan yang salah. Oleh itu, pekali Alpha Cronbach adalah pilihan yang baik untuk kajian yang juga menggunakan skala Likert. Tambahan pula, Ary, J Jacobs, dan Sorensen (2010) menunjukkan bahawa nilai alpha ($\alpha=0.71-0.99$) adalah nilai yang boleh digunakan untuk menilai kebolehpercayaan. Hasil kajian rintis menunjukkan bahawa konstruk kepimpinan instruksional guru besar mempunyai nilai alpha sebanyak 0.924, yang menunjukkan bahawa kajian ini boleh dianggap sangat boleh dipercayai dan mempunyai konstruk komitmen sebanyak 0.942.

Pengumpulan dan pengukuran data

Surat telah dihantar kepada Jabatan Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan Asas dan Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT) untuk mendapatkan kebenaran untuk menjalankan kajian sebelum mengumpul data sebenar. Pihak sekolah yang terlibat dihubungi untuk mendapatkan data selepas surat kelulusan dihantar. Semua guru dan pentadbir sekolah telah menerima soal selidik dalam talian melalui pautan Borang Google. Setiap peserta diberi tempoh dua minggu untuk menyelesaikan soalan. Borang Google telah dieksport ke Microsoft Excel untuk prosedur pengukuran data. Analisis data diuji menggunakan program SPSS. Statistik deskriptif dan inferensi dinilai menggunakan ujian korelasi Pearson. Analisis deskriptif menentukan kepimpinan instruksional dan komitmen guru dengan data demografi. Selain itu,

sihan piawai, min, dan peratus telah dikira. Jadual 1 menunjukkan tafsiran skor minimum yang digunakan dalam kajian ini.

Sebaliknya, data yang diperoleh ditafsirkan melalui statistik inferens yang menggunakan ujian korelasi Pearson, juga dikenali sebagai matriks korelasi Pearson. Hipotesis kajian ini mengenai hubungan antara amalan kepimpinan instruksional guru besar dan komitmen mereka terhadap kerja telah diuji melalui kaedah ujian yang digunakan. Oleh itu, pekali korelasi Pearson adalah faktor r . Jadual tafsiran faktor r untuk pekali korelasi Pearson digunakan.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 2: Jadual Interpretasi Kekuatan Nilai Pekali Korelasi

Saiz pekali korelasi (r)	Kekuatan Korelasi
.91 hingga 1.00 atau -.50 hingga -1.00	Sangat Kuat
.71 hingga .90 atau -.71 hingga -.90	Kuat
.51 hingga .70 atau -.51 hingga -.70	Sederhana
.31 hingga .50 atau -.31 hingga -.50	Lemah
.01 hingga .30 atau -.01 hingga -.30	Sangat Lemah
0.00	Tiada Korelasi

Sumber: Chua (2014)

Demografi kajian

Kajian ini melibatkan 148 guru tahfiz, seperti berdasarkan dalam Jadual 4.1 di atas. Hasil kajian menunjukkan bahawa 87% daripada responden kajian adalah guru lelaki. Bagi mereka yang menjawab mengikut jawatan, hanya guru Al-Quran sahaja yang di mengambil bahagian, seramai 148 orang (100%) telah menjawab. Guru yang berkhidmat selama 1 hingga 5 tahun menjawab soal selidik ini sebanyak 58 (39%), manakala guru yang berkhidmat selama 6 hingga 10 tahun menjawab sebanyak 41 (28%). Sebanyak 49 orang, atau 33% daripada responden, adalah guru yang telah berkhidmat selama 11 tahun ke atas. Bagi maklumat responden mengikut umur pula, jika kita lihat analisis yang didapati, guru novis iaitu yang berumur 20 hingga 30 tahun yang ramai menjawab soal selidik ini iaitu seramai 52 orang (35%), manakala bagi responden yang berumur 30 hingga 40 tahun pula seramai 71 orang (40%) yang telah menjawab *google form* yang telah diberikan. Bagi guru yang berumur 40 hingga 50 tahun pula seramai 25(17%) orang yang telah menjawab soal selidik ini.

DAPATAN ANALISIS DESKRIPTIF

Seperti yang dinyatakan dalam Bab I, keputusan kajian dihuraikan mengikut persoalan kajian. Analisis deskriptif dilakukan untuk menggambarkan tahap amalan kepimpinan instruksional pengetua dan komitmen dalam kalangan guru tahfiz di Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) tahfiz Negeri Terengganu. Nilai min dan sisihan piawai telah dikira.

Tahap amalan kepimpinan instruksional

Jadual 3 menunjukkan hasil analisis bagi menjawab persoalan kajian 1. Ia menunjukkan tahap amalan kepemimpinan pendidikan pengetua Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) tahfiz Negeri Terengganu.

Jadual 3: Tahap amalan kepimpinan instruksional pengetua

Dimensi	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
Mendefinisikan Misi Sekolah	4.22	0.772	Tinggi
Mengurus Program Instruksional	4.03	0.821	Tinggi
Membentuk Iklim Sekolah yang Positif	3.66	0.841	Tinggi
Keseluruhan	4.30	0.624	Tinggi

(Tahap: Rendah = 1.81-2.60, sederhana = 2.61-3.40, Tinggi = 3.40-4.20, sangat Tinggi = 4.21-5.00)

Secara keseluruhannya, Jadual 3 menunjukkan keputusan kajian (min = 4.30, sp = 0.624) bahawa tahap amalan kepimpinan instruksional pengetua mengikut persepsi guru adalah tinggi. Dimensi menyebarkan matlamat atau mendefinisikan misi sekolah mencapai min paling tinggi (min = 4.22, sp = 0.772), diikuti oleh dimensi mengurus program instruksional (min = 4.03, sp = 0.821) dan dimensi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang positif mencapai min paling rendah (min = 3.66, sp = 0.841). Ini menunjukkan bahawa pengetua di Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) tahfiz Negeri Terengganu sangat mengambil berat tentang cara pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Ini menunjukkan bahawa pengetua boleh membantu guru sekolah meningkatkan kualiti pengajaran.

Komitmen

Bagi persoalan kajian yang kedua akan dihuraikan dalam bahagian ini. Persoalan kajian yang ke 2 bagi kajian ini ialah: Apakah tahap komitmen kerja guru di 6 buah sekolah menengah agama bantuan kerajaan (SABK) tahfiz Negeri Terengganu?

Jadual 4: Analisis skor min dan sisihan piawai bagi komitmen guru

Dimensi	Min	Sisihan piawai	Interpretasi
Afektif	3.86	0.901	Tinggi
Normatif	3.49	1.276	Tinggi
Berterusan	3.14	1.333	Sederhana
Keseluruhan	3.90	0.828	Tinggi

(Tahap: Rendah = 1.81-2.60, sederhana = 2.61-3.40, Tinggi = 3.40-4.20, sangat Tinggi = 4.21-5.00)

Jadual 4 menunjukkan keputusan analisis deskriptif. Ia menunjukkan tafsiran tahap komitmen guru, nilai minimum dan elaan pakar. Secara keseluruhannya, komitmen guru adalah tinggi (min 3.90, sp=0.828). Berdasarkan jadual 4, dimensi komitmen afektif menunjukkan nilai min yang paling tinggi (min=3.86, sp=0.901), manakala dimensi komitmen normatif juga berada pada tahap tinggi (min=3.49, sp= 1.276). Akhir sekali, dimensi komitmen berterusan menunjukkan tafsiran yang mudah iaitu (min 3.14, sp= 1.333) jumlah komitmen yang tinggi ini menunjukkan guru Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) tahfiz Negeri Terengganu serius untuk meningkatkan kemahiran profesional mereka. .

Analisis Korelasi Pearson Amalan Kepimpinan Instruksional Pengetua dengan Komitmen Guru

Ujian korelasi pearson telah digunakan bagi menjawab persoalan yang terakhir dalam kajian ini. Ianya juga menguji hipotesis nol kajian. Berikut adalah merupakan soalan kajian dan hipotesis nol kajian.

Persoalan Kajian 3: adakah terdapat hubungan antara amalan kepimpinan instruksional Pengetua dengan komitmen kerja guru di 6 buah Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) tahfiz di Negeri Terengganu?

Jadual 5: Hubungan antara amalan Kepimpinan Instruksional Pengetua dengan komitmen guru

		Komitmen Guru
Kepimpinan Instruksional	Kolerasi Pearson	1
	Sig. (2-hujung)	
	N	148
	Kolerasi Pearson	0.671**
	Sig. (2-hujung)	<.001
	N	148

** Signifikan pada aras keyakinan $p < .001$ (2hujung).

Jadual 5 menunjukkan keputusan ujian korelasi Pearson yang menunjukkan hubungan antara amalan kepimpinan instruksional dengan komitmen guru. Jadual 5 menunjukkan hubungan positif yang sederhana kuat dan signifikan antara amalan kepimpinan instruksional yang baik dan komitmen guru. Nilai korelasi Pearson $r=0.671$, kemudian $p<0.001$. Dengan kata lain, didapati amalan kepimpinan instruksional guru memberi kesan positif yang signifikan terhadap komitmen guru di Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) tahfiz Negeri Terengganu. Hasilnya secara langsung menolak hipotesis nol (H_0).

PERBINCANGAN

Kajian ini juga telah mencapai kejayaan dalam mencipta model yang menggambarkan bagaimana kepimpinan pengajaran pengetua memberi kesan kepada komitmen guru. Hasil ini mengesahkan teori kepimpinan pengajaran yang dikemukakan oleh Hallinger dan Murphy (1987), yang menyatakan bahawa kepimpinan pengajaran pengetua terdiri daripada tiga dimensi utama: menentukan objektif sekolah, menguruskan kurikulum dan pengajaran, serta mewujudkan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang baik. Oleh itu, boleh dirumuskan bahawa teori yang dicadangkan oleh Mohd Yusri dan Wan Abd Aziz (2011), yang telah ditambah dua fungsi baru adalah sesuai dan sepadan dengan tingkah laku pengetua dalam populasi yang dikaji. Selain itu, keputusan kajian ini mengesahkan tiga dimensi kompetensi pengajaran yang dicadangkan oleh guru: kemahiran berinteraksi dengan murid, strategi pengajaran, dan keupayaan untuk mengawal kelas. Bab 4 juga ada memberikan analisis menyeluruh hasil kajian yang merangkumi setiap kesimpulan. Hasil ini berdasarkan masalah penyelidikan yang dinyatakan dalam Bab 1. Di bawah ini adalah penjelasan terperinci untuk setiap isu penyelidikan.

Kepimpinan Instruksional Pengetua

Kajian mendapati bahawa guru secara keseluruhan melihat amalan kepimpinan instruksional sebagai tinggi. Ini menunjukkan bahawa pengetua sekolah telah melakukan semua yang perlu untuk memimpin pendidikan. Pengurusan program instruksional dan menentukan misi sekolah adalah dua aspek yang paling kerap digunakan oleh pengetua sekolah yang dikaji. Ini disebabkan oleh fakta bahawa kedua-dua dimensi ini menunjukkan keputusan min yang paling tinggi berbanding dimensi lain. Guru besar sering memberitahu guru tentang visi dan misi sekolah. Selain itu, ketua bercakap dengan penuh semangat dan menunjukkan keyakinannya terhadap objektif sekolah. Kajian ini adalah selari dengan kajian Rashidah et al. (2022) yang menunjukkan bahawa amalan kepimpinan adalah sangat tinggi di sekolah menengah di seluruh Kelantan Utara. Mereka mendapati bahawa amalan arahan dalam tiga dimensi menunjukkan tahap yang sangat tinggi. Selain itu, penemuan ini selaras dengan kajian oleh Dayangku Rodzinah dan Mohd Izham (2021), yang mendapati bahawa, walaupun terdapat tahap amalan kepimpinan arahan yang tinggi di 54 sekolah rendah di Daerah Beaufort, terdapat tahap amalan yang paling tinggi. Walau bagaimanapun, aspek amalan yang paling penting ialah mewujudkan persekitaran yang menyokong di sekolah. Kajian yang dijalankan oleh Rozila dan Jamalul pada

2019 mengkaji komitmen 127 guru di SBT Wilayah Seremban menunjukkan amalan kepemimpinan instruksional yang sangat baik.

Tahap Komitmen guru

Hasil kajian menunjukkan bahawa tiga dimensi komitmen guru: afektif, normatif dan berterusan. Kecuali dimensi komitmen secara berterusan, dimensi afektif dan normatif menunjukkan bacaan tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa guru-guru di Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) tahfiz Negeri Terengganu secara amnya sangat komited. Kajian oleh Musliza Mat Jusoh, Siti Noor Ismail dan Anis Salwa Abdullah (2021) menunjukkan bahawa komitmen guru adalah berkaitan dan penting.

Hubungan Kepimpinan Instruksional dengan komitmen guru

Hubungan antara komitmen guru dengan kepemimpinan instruksional pengetua adalah positif dan penting, menurut kajian ini. Dengan kata lain, telah ditunjukkan bahawa komitmen guru di Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) tahfiz Negeri Terengganu telah meningkat sebagai hasil daripada penggunaan kepemimpinan instruksional pengetua. Keputusan ini selari dengan penyelidikan mengenai kaedah kepemimpinan instruksional pengetua dan bagaimana ia berkaitan dengan tahap komitmen guru di Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) tahfiz Negeri Terengganu. Kajian 2023 oleh Teoh Pei Hung dan Norazah Mohd Nordin mendapati pendidik sangat berpuas hati dengan cara guru memimpin pelajar mereka dan juga guru sangat komited. Artikel ini menunjukkan bahawa prestasi pemimpin sekolah dan prestasi mereka dipengaruhi oleh amalan kepemimpinan instruksional.

IMPLIKASI

Kajian ini berjaya menentukan korelasi antara tahap kepemimpinan instruksional pengetua dan komitmen guru. Kajian jelas menunjukkan bahawa kepemimpinan pengetua Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) tahfiz Negeri Terengganu melaksanakan kepemimpinan yang berkesan. Oleh itu, tahap kepemimpinan instruksional pengetua adalah berkorelasi positif dengan tahap komitmen guru. Keupayaan pengetua untuk melaksanakan kepemimpinan instruksional menyumbang kepada persekitaran sekolah yang positif. di samping meningkatkan semangat dan komitmen guru yang kekal. Sebagai pemimpin instruksional, pengetua mesti memahami tanggungjawab mereka sebagai pemimpin sekolah. Ini disebabkan oleh ketua merupakan asas kepada kejayaan sekolah. Kolaborasi hubungan yang kukuh antara pengetua dan guru pasti boleh meningkatkan prestasi pendidikan. Oleh itu, kepemimpinan pengajaran Komitmen akan meningkat dengan pengetua yang berkesan. guru jika sekolah dipimpin oleh pengetua yang bijak mengendalikan dan menguruskan gurunya. Salah satu gaya kepemimpinan yang perlu dimiliki oleh seorang pemimpin sekolah ialah kepakaran dalam amalan kepemimpinan instruksional. Sebagai pemimpin pendidikan yang teguh, pentadbir mempunyai keupayaan untuk membawa perubahan yang lebih besar dan dinamik seiring dengan perubahan dan cabaran dalam bidang pendidikan moden. Untuk melakukan ini, pemimpin memerlukan

kebijaksanaan dan kepakaran. Untuk menarik dan memimpin kakitangan bawahan yang tidak bermotivasi, tidak berkemahiran, dan tidak kompeten, pengetua mesti menggunakan gaya kepimpinan ini. Walau bagaimanapun, Nadia (2019) menyatakan bahawa gaya kepimpinan ini tidak sesuai untuk guru yang memahami dengan jelas tanggungjawab mereka, tahu apa yang mereka lakukan, berpuas hati dengan kerja mereka dan sangat komited. Oleh itu, kesan ke atas pendidik sebagai pusat penggerak kecemerlangan dan kemajuan sekolah Kesediaan guru dalam kajian ini adalah tinggi, begitu juga tahap komitmen dan dedikasi mereka untuk mencapai matlamat organisasi. Walau bagaimanapun, daripada empat dimensi komitmen guru, hasrat untuk kekal di sekolah adalah yang paling rendah. Oleh itu, nilai afektif guru mesti ditingkatkan supaya guru merasa sebahagian daripada sekolah dan melihat sekolah sebagai rumah kedua mereka. Oleh itu, pendidik akan mempunyai tenaga, keadaan mental yang lebih baik, dan kemahiran untuk membantu pelajar mereka berkembang lebih baik, yang akan menyumbang kepada keberkesanan sekolah (Rosenholtz, 1989; Anderson, 1991; Muller, 1993).

CADANGAN KAJIAN AKAN DATANG

Kajian yang lebih mendalam perlu dijalankan mengenai sebab-sebab yang mempengaruhi cara pemimpin sekolah melaksanakan amalan kepimpinan instruksional serta kesan yang ia berikan kepada komitmen guru. Kajian lanjutan ini mempunyai kemungkinan untuk memberikan sumbangan yang lebih besar kepada peningkatan pendidikan negara dan membantu dalam meningkatkan amalan kepimpinan instruksional di sekolah Malaysia. Kajian ini boleh dijalankan dengan cara yang berbeza dengan penyelidikan mengenai perbandingan sekolah tahfiz di Malaysia untuk menentukan tahap amalan kepimpinan instruksional dan hubungan pengetua dengan komitmen pendidik di sekolah menengah. Disamping itu juga, didapati bahawa sampel yang dipilih untuk kajian ini adalah kecil, jadi bilangan sampel kajian perlu ditambah. Pengkaji juga boleh menambah amalan lain, kepimpinan instruksional dan hubungan pengetua dengan kerjasama dalam kajian akan datang. Kajian yang menggunakan kaedah kualitatif tambahan, seperti pemerhatian atau temu bual, atau gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif, untuk mengkaji amalan kepimpinan pengetua dan bagaimana ia memberi kesan kepada amalan di organisasi sekolah di kalangan guru tahfiz di Malaysia

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, pengurusan pengetua adalah faktor penting yang mempengaruhi komitmen pelajar kepada sekolah. Oleh itu, pengetahuan dan kemahiran kepimpinan instruksional pengetua perlu diperkukuh dari semasa ke semasa. Selain itu, pengetua mempunyai kewajipan untuk menjalankan penilaian dan penilaian semula amalan mereka yang berkaitan dengan kepimpinan instruksional. Kepimpinan instruksional pengetua harus dipertingkatkan secara berterusan. Kepimpinan instruksional yang berkesan boleh meningkatkan komitmen guru dan membentuk sekolah yang lebih baik. Oleh itu, prestasi kerja guru dan pencapaian murid secara tidak langsung meningkat apabila guru komited untuk melaksanakan tanggungjawab mereka di sekolah.

RUJUKAN

- A Razak, D., Md. Hussain, M. N., & Abdul Ghani, A. (2020). The Principal Instructional Leadership Practiced And The Relationship With The School School Organization Commitment. 8–24
- Aking Unyit & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2023). Amalan Kepimpinan Instruksional Guru Besar dengan Komitmen Guru Sekolah Rendah di Daerah Kapit. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(4), e002161.
- Al-Mahdy, Y. E. H., Emam, M. M., & Hallinger, P. (2018). Assessing the contribution of principal instructional leadership an collective teacher efficacy to teacher commitment in Oman. *Teaching and Teacher Education*, 69, 191-201.
- Amin, D. R. A., & Hamzah, M. I. M. (2021). Tahap amalan kepemimpinan instruksional guru besar dan hubungannya dengan tahap komitmen guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(2), 135-151. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i2.648>
- Anpalakan Vadiappan, Al-AminMydin & Abdul Jalil Ali (2021). Amalan Kepimpinan Instruksional Guru Besar dan Hubungannya dengan Tanggapan Sokongan Organisasi Guru-Guru Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. *Malaysian Journal*
- Aslamiah, Normianti, Suhaimi. 2019. Relationship Of Transformational Leaders Of Principal, Teacher Motivation, Teacher Organization Commitments With Performance Of Primary School Teachers In Labuan Amas Selatan, Indonesia. *European Journal of Education Studies*.5(11). 123-141. <http://dx.doi.org/10.5281/zenodo.2583734>
- Chanana, N., & Sangeeta. (2020). Employee engagement practices during COVID-19 lockdown. *Journal of Public Affairs*. doi:10.1002/pa.2508
- Cooper, D. and Schindler, P. (2011) *Business Research Methods*. 11th Edition, McGraw Hill, Boston.
- Creswell, J. W. (2009). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Method Approaches*, 3rd ed. SAGE.
- Foong, D. C. Y. & Mohd. Khairuddin, A. J. (2017). Analisis Perbandingan Kepimpinan Instruksional Pengetua dan Kepuasan Kerja Guru. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 2(5), 318-339
- Hallinger, P. (2000). A review of two decades of research on the principalship using the Principal Instructional Management Rating Scale. *Annual meeting of the American Educational Research Association, Seattle, Washington*
- Hallinger, P. (2005). Methodologies for studying school leadership: A review of 25 years of research using the principal instructional management rating scale. *Paper prepared for presentation at Annual Meeting of the Maerican Educational research Association*
- Hallinger, P., Gume use, S. and Bellibas, M.S. (2020), “Are principals instructional leaders yet? A science map of the knowledge base on instructional leadership, 1940-2018”, *Scient metrics*, 122, pp. 1629-1650, doi: 10.1007/s11192-020-03360-5
- Hareesol, K., Azni Masturah, Kamaruddin, J., Norhana, G., Muhammad Dzahir, K. , M.S. Omar-Fauzee & Singha, T., (2019). The Relationship of Primary School Principals’

- Leadership Practice on Teachers' Commitment. *Indian Journal of Science and Technology*.
- Harris, A., Jones, M., Adams, D., & Cheah, K. (2018). Instructional leadership in Malaysia: An review of the contemporary literature. *School Leadership and Management*, 39(1), 76–95. <https://doi.org/10.1080/13632434.2018.1453794>
- Hassan, R., & Jamilah Ahmad, Y. B. (2019). Instructional Leadership in Malaysia. *Educational Management Administration and Leadership*, 8(2), 537–547. <https://doi.org/10.1177/1741143219836684>
- Ibrahim, A. U. and Daniel, C. O. (2019). Impact of leadership on organisational performance. *International Journal of Business, Management and Social Research*, 04(02), 367-37
- Jeffri Mat Yasim, Azlin Norhaini Mansor, & Aida Hanim Ab Hamid. (2019). Kepimpinan instruksional abad Ke-21 dan amalan komuniti pembelajaran profesional dalam kalangan guru besar di Malaysia. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 3(2), 21–37
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: KPM
- Krug, S. (1992). Instructional leadership: A constructivist perspective. *Educational Administration Quarterly*, 28(3), 430-443
- Lee Hwee Wan, Jamalul Lail Abdul Wahab & Norasmah Othman. (2023). Kepimpinan Instruksional Guru Besar SJKC dan Komitmen Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(1), e002072. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i1.2072>
- Len, Y. C. S., & Nordin, N. M. (2020). Hubungan Kepimpinan Instruksional Guru Besar Dengan Kepuasan Kerja Guru. In *Conference Of Future Education And Advances (ICOFEA) 2020* (p. 364-369)
- Mannan, F. (2017). The Relationship Between Women Principals' Instructional Leadership Practices, Teacher Organizational Commitment and Teacher Professional Community Practice in Secondary Schools in Kuala Lumpur. (Tesis kedoktoran, Universiti Malaya). *Kajian Univerisiti Malaya Repository*. <http://studentsrepo.um.edu.my/7120/4/farhana.pdf>
- Mejran, D., Muhamad Suhaimi, T., & Mohd Khairuddin, A. (2021). Hubungan Kepemimpinan Instruksional Pengetua dengan Sikap Guru Terhadap Perubahan dalam Pendidikan Abad Ke-21. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(3), 241- 251. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i3.722>
- Meyer, J. P., & Allen, N. J. (2004). TCM Employee Commitment Survey. *Academic Users' Guide 2004*. Department of Psychology, University of Western Ontario
- Nguyen, P. T., Yandi, A., & Mahaputra, M. R. (2020). Factors that influence employee performance: motivation, leadership, environment, culture organization, work achievement, competence and compensation (A study of human resource management literature studies). *Dinasti International Journal of Digital Business Management*, 1(4), 645-662.

- Nik Mustafa, M. A., Mohd Radzi, T., Hazlina, J., Wan Aida Rohana, M. S., & Mohd Nawawi, O. (2015). Principals' instructional leadership and teachers' commitment in three MARA Junior Science Colleges (MJSC) in Pahang, Malaysia. *Procedia-Social and Behavioral Science*, 191(2010), 1848-1853
- Pallant, J. (2016). *SPSS Survival Manual: A Step By Step Guide to Data Analysis Using SPSS Program (6th ed.)*. London, UK: McGraw-Hill Education
- Roziyah Derasit & Mohd Izham Hj Mohd Hamzah (2023). The Role of Instructional Leadership by Heads of Subjects in Relationship to Effective Teaching Practices. *Proceedings of the 2nd Padang International Conference on Educational Management and Administration 2021 (PICEMA 2021)* https://doi.org/10.2991/978-2-494069-11-4_12
- Rozila, M. Y., & Jamalul Lail, A. W. (2019). Kepimpinan Instruksional Pengetua Dan Hubungannya Dengan Komitmen Guru Di Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) Di Daerah Seremban. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(33), 107-121. <https://doi.org/10.35631/IJEPC.433009>
- Selvadurai, A., & Mansor, A. N. (2021). Kertas Kajian: Kepimpinan Instruksional Guru Besar Dan Komitmen Guru Di Zon Mantin, Negeri Sembilan. *5th International Conference on Business and Education 2021*, 30-37. <https://www.icbe.my/wpcontent/uploads/2021/11/4.pdf>